

Penerangan yang Mendalam tentang Pengurusan Risiko

Ketahui Cara Mengawal Pendedahan
Risiko dan Meningkatkan
Keberuntungan Anda

Amaran Risiko: CFD adalah instrumen yang kompleks dan mempunyai risiko tinggi kehilangan wang cepat kerana leveraj 71% dan 65% akaun pelabur runcit kehilangan wang ketika berdagang CFD dengan Tickmill UK Ltd dan Tickmill Europe Ltd. Anda harus mempertimbangkan sama ada anda memahami bagaimana CFD, atau produk kami yang lain berfungsi, dan adakah anda mampu mengambil risiko kehilangan wang anda.

Bahan ini disediakan untuk tujuan maklumat sahaja dan tidak boleh pertimbangkan sebagai nasihat pelaburan.



KANDUNGAN

Pengenalan

Page 03 >

1. Mengapakah Anda Perlu Mengambil Berat Tentang Pengurusan Risiko?

Page 04 >

2. Hadapi Dengan Berani

Page 05 >

3. Memahami Risiko dalam Pasaran

Page 06 >

4. Cara Meminimumkan Kerugian

Page 07 >

5. Ia Perihal Peluang, oleh itu Berseronoklah

Page 09 >

6. Berdagang ialah Tentang Pengetahuan, Pengurusan Risiko adalah Tentang Tuah

Page 10 >

7. Risiko dan Ganjaran


Page 12 >

8. Kesimpulan

Page 16 >

Pendidikan

Page 18 >




Pengenalan


Pengurusan risiko kerap kali diabaikan, tetapi bukanlah aspek yang tidak penting bagi dagangan secara umumnya dan secara khususnya bagi Forex. Ramai pedagang kerap menumpukan perhatian untuk menghasilkan strategi yang akan memberikan isyarat apabila tiba masanya untuk memasuki pasaran dan keseronokan untuk menghasilkan wang akan menyebabkan mereka terlupa untuk berhati-hati.

Mengetahui bila masanya untuk tidak berdagang ialah kemahiran yang sama penting dengan mengetahui bila masanya untuk berdagang. Boleh dikatakan ia lebih penting kerana secara praktikalnya, pada kebanyakan masa anda tidak berdagang. Kemampuan untuk mengurus pendedahan anda kepada pasaran ialah ciri yang menentukan antara pedagang yang berjaya dan pedagang yang akhirnya akan berputus asa dalam pasaran.

Bukanlah perkara yang luar biasa mahupun petanda yang buruk bagi seseorang pedagang apabila mula bertindak berlebihan apabila mula membuka terlalu banyak kedudukan dan tiba-tiba menyedari realiti risiko dalam pasaran apabila mereka mengalami kerugian yang besar. Kerap kali, hal ini akan menyebabkan pedagang mencari maklumat tentang cara mengurus risiko dan apabila mereka memahaminya dan menggabungkannya dalam dagangan, mereka menjadi lebih berjaya dalam pasaran.



1. Mengapakah Anda Perlu Mengambil Berat Tentang Pengurusan Risiko?



Ternyata jelas bahawa mengurus pendedahan anda kepada pasaran ialah bahagian yang penting dalam dagangan, tetapi masih terdapat penerangan statistik tentang kepentingannya dan sejauh mana kesannya terhadap dagangan anda. Lebih penting lagi, cara pengurusan risiko berkaitan dengan keberuntungan anda.


Satu kajian yang dibuat pada tahun 2013 oleh Forex yang tersenarai di NYSE utama terhadap jutaan pelanggan mereka mendapati secara purata kadar kejayaan bagi setiap dagangan ialah 67.2%. Ini ialah peratusan dagangan yang ditutup dengan untung, menunjukkan bahawa pedagang telah membuat keputusan yang betul tentang masanya untuk memasuki pasaran dan sama penting ialah masa untuk keluar daripada pasaran.

Namun begitu, perkara yang lebih penting ialah mereka menjadikan pedagang mereka yang mendapat keuntungan secara konsisten dalam strategi mereka dan membandingkannya dengan pedagang yang tidak begitu. Tiada perbezaan yang ketara secara statistik bagi bilangan dagangan "baik" yang mereka buat. Kedua-duanya sama baik dalam meramal pasaran. Namun begitu, pedagang yang berjaya berjaya mendapat keuntungan secara konsisten kerana mereka mengurus risiko mereka dengan lebih baik.

Secara umumnya, pedagang yang tidak berjaya cenderung untuk kerugian lebih daripada pedagang yang berjaya kerana mereka mengambil risiko yang lebih besar secara berlebihan dan tidak keluar daripada pasaran apabila dagangan mereka mengalami kerugian. Dengan kata lain, kemahiran pengurusan risiko mereka lemah.

Ini bukanlah perkara yang begitu mengejutkan untuk sesiapa yang mempelajari psikologi, kerana sememangnya fakta menyatakan bahawa manusia lemah dalam menilai risiko dengan sewajarnya. Kita juga lemah dalam memahami nombor dan kebarangkalian yang besar. Hal ini menyebabkan kita cenderung untuk mengabaikan pengurusan risiko, sebab itulah kita perlu berusaha lebih giat untuk memberikan perhatian terhadap perkara ini.

Oleh sebab kemampuan untuk mengawal kerugian agar tidak melebihi keuntungan anda ialah cara anda mendapat untung dalam forex, pengurusan risiko seharusnya menjadi satu bahagian yang penting dalam strategi dagangan dan pasaran anda.



| 2. Hadapi dengan Berani

Mungkin halangan yang terbesar apabila melibatkan pemahaman tentang risiko dalam pasaran yang dinamik ialah ia bukan perkara yang menyeronokkan untuk difikirkan. Ia secara asasnya memikirkan tentang kerugian dan oleh sebab pedagang forex cenderung untuk berfikiran optimis, mereka lebih suka memikirkan tentang perkara yang baik, tetapi tindakan itu tidak menghapuskan risiko.

Apabila anda baru bermula, pasaran ialah perkara yang tidak diketahui dan naluri semula jadi kita adalah takut kepada perkara yang tidak diketahui. Begitu juga pasaran; apabila terdapat ketidakpastian tentang masa akan datang - perkara yang tidak diketahui - secara umumnya anda akan melihat pasaran tidak berprestasi baik kerana pelabur dan pedagang bertahan daripada berdagang. Mereka ialah pelabur yang mengelak risiko. Mengetahui tentang risiko dan ragu-ragu apabila melibatkan risiko ialah perkara yang dilakukan oleh institusi dagangan berbilang bilion dolar, oleh itu anda seharusnya begitu juga.

2.1 Kekhuatiran itu Berguna

Masalahnya, apabila anda mula berdagang, anda perlu mengatasi keraguan itu untuk mula berdagang. Anda perlu memasuki pasaran dan mengambil risiko untuk mendapatkan pengalaman. Oleh itu pada mulanya, hampir menjadi prasyarat untuk menjadi agak tidak sensitif kepada risiko, jadi anda boleh mengatasi kecenderungan semula jadi anda untuk mengelakkan perkara yang tidak diketahui. Namun begitu, jika perkara ini menjadi tabiat jangka panjang, anda tidak akan membuat penilaian risiko yang mencukupi dan hal itu boleh menyebabkan keputusan yang buruk dalam dagangan anda.

Oleh itu, apabila anda sudah mendapatkan pengalaman dan membuat beberapa kesilapan, anda akan melihat dengan jelas bahawa aspek dagangan yang tidak menyenangkan ini bukan sahaja berguna, tetapi jika dilakukan dengan betul boleh menjadi agak menarik, malah menyeronokkan. Sekiranya anda menggabungkan pengelakan risiko dalam strategi penghasilan wang anda, ia bukan lagi suatu tugas yang membosankan. Begitulah caranya anda menjadi pedagang yang berjaya. Bukankah itu yang anda inginkan?



3. Memahami Risiko dalam Pasaran



Setiap kali anda berada dalam pasaran, anda membuat keputusan. Sudah tentu anda ingin membuat keputusan yang betul dan terdapat hos penunjuk dan teknik di luar sana yang akan membantu anda membuat tugas tersebut. Setiap keputusan itu disertakan dengan dua pilihan: pilihan yang betul dan pilihan yang salah.

Secara statistik, kita akan membuat pilihan yang betul lebih kerap; tetapi pengurusan risiko berfungsi untuk mengehadkan kesan pilihan yang salah itu. Oleh sebab kita tidak mengetahui lebih awal sama ada keputusan tersebut ialah betul atau tidak (kerana jika kita boleh, maka... kita tidak akan membuat kesilapan) maka risiko perlu dipertimbangkan setiap kali kita membuat keputusan dalam dagangan.

“Jika saya membuat dagangan ini, apakah yang saya akan peroleh?” ialah soalan yang sangat baik. Ia perlu diiringi dengan “apakah yang boleh saya rugi?” Mencari keseimbangan antara dua perkara ini ialah cara anda mengimbanginya untuk memihak kepada anda.



4. Cara Meminimumkan Kerugian

Terdapat ramai orang, banyak buku dan laman web yang akan memberikan panduan dan cara untuk mengelakkan atau mengurangkan risiko. Kebanyakannya mungkin berguna, tetapi pada tahap asas, dagangan secara asasnya berisiko dan walaupun panduan yang diberikan membantu, seperti yang anda sudah lihat, anda akan memerlukan lebih dari sekadar beberapa panduan untuk mengelakkan risiko. Mengurus wang, pendedahan dan risiko anda ialah bahagian yang penting dalam dagangan dan perlu disertakan dalam strategi dagangan anda.

Satu petua yang kerap diberikan adalah mudah sahaja "Pastikan keuntungan anda lebih besar daripada kerugian anda" dengan menetapkan ambil untung anda pada nisbah 2:1 berbanding henti kerugian. Atau 3:1. Ini secara umumnya tidak berkesan. Ia salah satu perkara yang kedengaran baik di atas kertas, banyak dikongsi, tetapi ia tidak mempertimbangkan tentang keadaan, psikologi pedagang, saiz dagangan, perkadaran akaun dan banyak faktor yang lain. Sudah tentu ia tidak berguna sama sekali jika anda mempunyai hentian mengekor (trailing stop).

4.1 Permulaannya ialah Pedagang

Pengurusan risiko bermula dari detik anda membuka akaun anda. Lagipun, anda membuat keputusan tentang jumlah wang yang anda bersedia untuk kerugian dalam pasaran. Adakah anda akan

melaburkan semuanya dan kemudian berdagang sehingga anda membuat keuntungan atau hilang semuanya? Atau anda akan melaburkan jumlah tertentu pada setiap bulan? Kedua-duanya mempunyai kelebihan dan kekurangan.

Oleh itu, aspek pertama pengurusan risiko adalah untuk memahami kedudukan kewangan anda sendiri. Sudah tentu anda perlu mempertimbangkan keadaan yang terbaik; perkara itulah yang biasanya mendorong orang untuk menjadi pedagang. Kemudian terdapat keadaan yang besar kemungkinan akan berlaku dan itulah yang dilihat oleh seseorang yang realis secara umumnya. Kemudian terdapat keadaan terburuk yang kebanyakan orang secara umumnya hanya memikirkannya tentangnya sebentar sahaja.

Salah satu amaran ialah anda seharusnya merisikokan jumlah wang yang anda mampu sahaja. Masalahnya, kita tidak memikirkan tentang perkara yang akan berlaku selepas itu. Sekiranya anda mengharungi masalah untuk membuat akaun dan mempelajari cara berdagang... tetapi menghadapi nasib yang malang, tiada pengalaman dan faktor-faktor lain, akaun dagangan anda menurun kepada sifar, adakah anda akan berputus asa? Atau adakah anda ingin memasukkan dana ke akaun anda lagi, belajar daripada pengalaman anda dan cuba mendapatkan semula kerugian anda? Oleh itu, apabila anda mempertimbangkan jumlah wang yang anda mampu risikokan dalam pasaran, adakah anda mempertimbangkan psikologi anda?



66

Pastikan keuntungan anda lebih besar daripada kerugian anda.

99



4. Cara Meminimumkan Kerugian



4.2 Anda ialah Fikiran Anda

Mengurus risiko bukan sekadar tentang mengira wang, tetapi juga memahami reaksi anda terhadap keadaan tertentu. Terdapat fenomena yang lazim berlaku apabila orang akan bermula dengan akaun dagangan demo dan berdagang dengan baik menggunakananya. Selepas seketika, mereka kemudiannya akan bertukar kepada akaun langsung dan tiba-tiba kelebihan dagangan mereka hilang dan mereka melihat keberuntungan mereka menurun. Apakah yang berlaku? Kerap kali mereka akan menyalahkan broker, berpendapat terdapat tipu helah. Tetapi terdapat juga kumpulan sama yang menghasilkan wang berdagang menggunakan lot mini atau mikro, tetapi sebaik sahaja mereka memecahkan tahap tertentu dalam saiz dagangan mereka, keberuntungan mereka menurun.

Strategi yang sama, akaun yang sama. Apakah yang berlaku? Mereka berurus niaga dengan lebih banyak wang dan menjadi lebih berjaga-jaga tentang risiko. Ini menyebabkan mereka menjadi lebih gementar yang mengubah corak pembuatan keputusan mereka. Oleh itu, mereka lebih ragu-ragu, tidak memotong kerugian mereka dengan secukupnya, berharap pasaran akan melantun semula dan sebagainya. Secara berkesan, mereka berakhir dengan kerugian lebih banyak wang kerana bersikap lebih takut terhadap risiko daripada bersikap strategik.

Pengurusan risiko perlu dimulakan dengan mengurus reaksi anda sendiri terhadap risiko dan membangunkan strategi untuk memastikan anda memberikan tumpuan pada membuat keputusan strategik berdasarkan penilaian yang rasional dengan sebanyak faktor yang mungkin.



| 5. Ia Perihal Peluang, oleh itu Berseronoklah


Salah satu alat yang terbaik untuk mendapatkan pemahaman tentang memperbaik pengurusan risiko anda adalah memahami sebaiknya teori permainan. Hal ini mungkin tidak jelas pada awalnya, tetapi kita perlu memahami bahawa terdapat dua bahagian dagangan: maklumat dan nasib. Apabila kita membuat keputusan dagangan, kita ingin mendapatkan sebanyak mungkin fakta untuk memastikan dagangan kita akan menguntungkan. Ini termasuk analisis teknikal, mengawasi pasaran, berita, memahami ekonomi, mempunyai kemahiran dan pengalaman. Itulah yang diperlukan untuk anda membuat dagangan yang berjaya.

Sebaliknya, terdapat faktor dalam pasaran yang kita tidak dapat kawal. Bank yang besar tiba-tiba perlu mengeluarkan dana. Berlaku peperangan. Atau kita membuat kesilapan dan terlupa sesuatu atau salah faham tentang implikasi data tertentu. Inilah nasib yang malang secara umumnya, tetapi itulah nasib.

5.1 Penyelesaiannya terdapat dalam Teori Permainan

Teori permainan membolehkan kita memahami kebarangkalian, kerawakan, varians dan pengenalpastian corak yang bukanlah membolehkan kita merancang untuk nasib (mengharapkan nasib ialah takrifan bagi perjudian), tetapi untuk mengurangkan kesan nasib itu apabila analisis kita tidak berkesan. Sepertimana Batman ialah Batman tetapi bukan sebab dia mempunyai kuasa hebat makhluk asing, tetapi kerana dia mempunyai rancangan untuk segala-galanya. Malah dia mempunyai rancangan untuk apabila dia tidak mempunyai rancangan dan itulah pengurusan risiko.


Sebagai pedagang, objektif anda bukan untuk membuat satu dagangan dan kemudiannya bersara. Itulah yang cuba dilakukan oleh orang yang bermain loteri. Anda ingin mengumpulkan mungkin sepuluh ribu dagangan sepanjang kerjaya anda sebagai pedagang dan pengulangan yang berterusan dari masa ke masa inilah yang membolehkan anda memanfaatkan teori permainan untuk meningkatkan kebarangkalian anda.



| 6. Berdagang ialah Tentang Pengetahuan, Pengurusan Risiko adalah Tentang Tuah

Mari pertimbangkan soalan psikologi ini: jika anda ditawarkan peluang untuk melaburkan \$100 dan dengan lambungan syiling anda boleh kerugian atau menghasilkan \$200. Adakah anda akan melakukannya? Ternyata ini soalan helah, tetapi anda mungkin tidak melihat sebabnya memandangkan peluang lambungan syiling memihak kepada anda bukanlah jawapan yang betul.

Dalam senario awal, anda mempunyai wang dan anda dapat menyimpannya. Tiada risiko. Jika anda menyertai permainan ini,



anda mempunyai peluang untuk menghasilkan \$100 tetapi risiko kehilangan \$100. Oleh sebab lambungan syiling mempunyai peluang berjaya 50/50, anda boleh menilainya bahawa anda mempunyai peluang yang sama untuk berjaya atau gagal. Secara statistiknya, risikonya sama rata.

Namun begitu, ia risiko. Oleh itu, jika anda menyertai permainan ini, anda mengambil risiko; tetapi jika anda tidak menyertainya, anda tidak mengambil risiko. Lantaran itu, walaupun permainan ini memberikan peluang yang sama rata dan anda mempunyai peluang yang sama untuk berjaya atau kerugian, anda tidak berminat untuk menyertai.

6.1 Lebih Banyak Dagangan Lebih Baik

Namun begitu, soalan yang penting adalah berapa kali anda akan dapat berdagang. Jika sekali, anda boleh berjaya atau anda boleh rugi. Tetapi jika dua kali, anda mempunyai satu peluang untuk berjaya dua kali, satu peluang untuk rugi dua kali dan dua peluang untuk pulang modal. Contohnya, bukan kebiasaan untuk mendapat dua kepala secara berturut-turut, tetapi lebih banyak anda berlatih, peluangnya lebih tinggi untuk cenderung kepada kebarangkalian statistiknya. Jika anda melambung satu syiling sebanyak 100 kali, tidak mungkin

semua 100 akan muncul kepala. Jika anda melambung 1000 kali, kepala tidak akan muncul 500 kali setepatnya, tetapi lebih hampir kepada nilai min. Prinsip yang sama digunakan apabila berdagang.

6.2 Membuat Garis Dasar

Terdapat mantera yang ditanamkan dalam minda setiap pedagang oleh broker mereka bahawa hasil yang lepas tidak meramalkan hasil yang akan datang dan memang benar. Sama seperti melambung syiling yang anda tidak tahu keputusannya untuk lambungan seterusnya. Tetapi, jika anda boleh melambung syiling untuk bilangan kali yang mencukupi, anda boleh mempunyaiunjuran yang wajar bahawa lebih kurang separuh daripada bilangan lambungan akan muncul kepala. Inilah prinsip yang berfungsi dengan strategi anda.

Jika kita mengambil statistik yang disebut lebih awal tadi tentang lebih kurang dua pertiga daripada dagangan akan berkesan, maka anda perlu mempunyai strategi pengurusan risiko untuk satu pertiga yang selebihnya. Jika anda berdagang 1,000 kali, kira-kira sekurang-kurangnya 333 daripadanya tidak akan berkesan. Mempunyai dagangan negatif yang sebeginy banyak mungkin akan menghabiskan baki akaun anda jika anda tidak mengendalikannya dengan betul.

6.3 Alat

Terdapat agak banyak alat yang boleh digunakan yang dibina dalam platform anda, seperti henti rugi, keperluan margin, penasihat pakar dan sebagainya yang boleh anda gunakan untuk memaksa anda keluar daripada dagangan yang kerugian dan walaupun alat itu boleh membantu, untuk memaksimumkan keberkesanannya, anda perlu memahami cara dan sebabnya anda perlu mengehadkan pendedahan anda untuk menetapkan aras yang betul.

Mari ubah suai contoh melambung syiling sebelum ini dan jadikannya menguntungkan. Anda mempunyai \$100 dan jika muncul kepala, anda kerugian wang anda; tetapi jika muncul ekor, anda mendapat tiga kali ganda. Ini sudah tentu risiko yang berbaloi, kerana anda mempunyai peluang untuk menghasilkan untung sebanyak \$200. Jika anda melakukan permainan ini beberapa kali, anda mempunyai peluang untuk memenangi jumlah wang yang banyak.

6.4 Bukan Semuanya Tentang Jumlah Untung Anda

Namun begitu, terdapat satu masalah kecil. Jika anda hanya mempunyai \$100 dan kali pertama anda memainkan permainan ini anda rugi... tiada cara untuk anda mendapatkan semula wang anda. Lebih baik untuk anda merisikokan jumlah wang yang lebih kecil, contohnya \$10 dan mengurangkan peluang akan muncul

kepala secara berturutan hanya dengan nasib yang buruk, itu akan menghabiskan dana di akaun anda.

Apabila melibatkan forex, terdapat bukti statistik untuk menunjukkan jumlah yang anda harus risikokan bagi setiap dagangan anda. Bukti ini didapati daripada pengawasan terhadap jutaan akaun untuk tempoh masa yang lama. Kajian berulang-kali menunjukkan bahawa mengambil kedudukan yang risikonya antara 2% dan 3% daripada dana anda yang ada memaksimumkan pulangan pada akaun anda. Kurang daripada 2% dan anda terlepas potensi keuntungan, lebih daripada 3% dan dagangan yang bernasib buruk secara berturutan sudah cukup untuk memberikan kesan yang serius terhadap akaun anda. Jika anda merisikokan 3% daripada akaun anda, itu bermakna anda boleh mendapat sehingga 33 dagangan secara berturutan sebelum menghabiskan dana anda. Bagaimanakah perkara itu mungkin akan berlaku?

6.5 Jangan Lupa Bahawa Ia Peribadi

Sudah tentu ini ialah purata statistik dan dagangan anda mungkin berbeza. Itulah sebabnya penting untuk memahami sebab di sebalik mengapa jumlah tertentu dicadangkan, oleh itu anda boleh menggunakan pada dagangan di dunia sebenar. Contohnya, jika anda pedagang yang sangat berhati-hati, anda mungkin mendapat

manfaat apabila mempunyai saiz dagangan yang lebih besar; jika anda suka mengambil setiap peluang yang ditawarkan oleh pasaran, mungkin anda ingin memastikan dagangan anda lebih kecil untuk mengurangkan risiko.

Inilah salah satu perkara mengecewakan yang perlu dihadapi oleh orang yang mempelajari tentang pengelakan risiko dalam bahan rujukan tentang subjek itu. Contohnya, penulis akan menegaskan tentang keperluan untuk menetapkan henti rugi untuk meminimumkan dagangan yang kerugian, tetapi berapa banyak? Perkara itu bergantung pada gaya dagangan anda, oleh itu lebih baik anda mempelajari prinsip di sebalik henti rugi supaya anda boleh menggunakan pada situasi anda sendiri, bukannya menggunakan nombor yang tetap secara automatik.



7. Risiko dan Ganjaran

Pada dasarnya secara praktikal, pelaburan adalah tentang mengimbangi pulangan berbanding kemungkinan risiko. Jika tiada risiko dalam dagangan, maka semua orang akan melakukannya dan pasaran tidak akan wujud. Malah, tujuan keseluruhan pasaran forex adalah untuk mengimbangi risiko. Perniagaan (terutamanya) perlu mengakses pasaran kewangan untuk melabur ke luar negara, eksport dan sebagainya. Mata wang bukan kebimbangan utama mereka dan untuk tidak perlu berurus dengan risiko kadar pertukaran, mereka akan membayar premium kepada pasaran. Tugas anda sebagai pedagang forex, secara praktikalnya adalah untuk menentukan cara menukar wang dengan risiko yang lebih rendah daripada peserta lain dalam pasaran, oleh itu anda boleh menghasilkan wang pada premium.

Lantaran itu, terdapat hubungan secara langsung antara tahap risiko anda dan keberuntungan anda. Secara umumnya, lebih besar risiko, lebih besar ganjarannya; oleh itu, untuk memaksimumkan pertumbuhan akaun dagangan anda, anda perlu menentukan cara mengurus tahap risiko yang boleh anda terima.

7.1 Skema Pengelakan Risiko

Salah satu caranya adalah mengurus jumlah wang yang anda masukkan ke akaun anda; jika anda memasukkan dana sekaligus pada awal dagangan anda, maka terdapat kemungkinan anda

menghadapi nasib yang malang dan kerugian akaun anda, tetapi jika anda mengetepikan jumlah yang lebih kecil pada setiap bulan sebagai rancangan untuk mengembangkan akaun anda dengan perlahan-lahan, maka kemungkinan untuk kerugian keseluruhan akaun anda adalah lebih kecil. Anda mungkin tidak menghasilkan wang yang begitu banyak pada awalnya, tetapi anda akan mengumpulkan lebih banyak dari masa ke masa.

Satu cara lagi ialah kekerapan dagangan. Berdagang jumlah yang lebih kecil dengan lebih kerap, seperti yang dibincangkan sebelum ini membolehkan statistik memihak kepada anda. Kurang kemungkinan untuk anda mendapat satu rentetan 40 dagangan yang bernasib malang daripada 4, oleh itu akaun anda akan bertahan lebih lama dan anda meningkatkan peluang keberuntungan jangka panjang anda.

7.2 Risiko Rendah Tidak Semestinya Idea Terbaik

Katalah bagi tujuan contoh anda membuat strategi yang berkesan 80% daripada sepanjang masa. Itu jauh lebih tinggi daripada purata dan kedengaran hebat. Namun begitu, strategi tersebut memberi anda isyarat untuk berdagang sekali sehari, sebagai contoh. Itu bermakna, lapan hari daripada sepuluh hari, anda akan menghasilkan wang.

Tetapi terdapat satu lagi strategi yang berkesan hanya 60% daripada sepanjang masa. Kedengaran tidak begitu baik, walaupun ia memberi anda 100 isyarat sehari. Itu bermakna pada mana-mana hari, anda boleh kerugian 40 dagangan, tetapi mendapat untung untuk 60 dagangan.

Manakah strategi yang lebih baik? Jika anda tidak mempunyai pengurusan risiko, anda mungkin akan memilih strategi yang lebih pasti dan mendapat dagangan yang betul 80% daripada sepanjang masa, tetapi pedagang lain yang mempunyai pengurusan risiko yang baik akan dapat menghasilkan jauh lebih banyak wang dengan berdagang lebih kerap tetapi mengehadkan pendedahan mereka. Apabila mempunyai lebih banyak peluang dagangan, mereka masih dapat membuat jumlah wang yang sama dengan mendagangkan jumlah yang lebih kecil dan secara berkesan mempunyai risiko yang lebih rendah daripada menggunakan strategi dagangan yang "lebih baik".

7. Risiko dan Ganjaran



7.3 Ketahui dan Fahami

Mengurus dagangan anda ialah proses yang sistematik dan sepertimana anda perlu menyimpan jurnal dagangan untuk menilai dagangan anda secara berterusan, anda perlu mengambil pendekatan yang serupa untuk penilaian risiko anda. Sepertimana anda akan mengira potensi dagangan yang berjaya, anda perlu mengira potensi dagangan yang tidak berjaya dan menyertakannya dalam corak dagangan anda. Oleh itu, ia bukanlah sesuatu yang boleh anda biarkan bergantung pada perasaan.

Mengatasi kecenderungan psikologi yang menyebabkan orang tidak memikirkan potensi kerugian dengan secukupnya memanglah mencabar. Mungkin berguna untuk mempertimbangkan pengurangan risiko sebagai sebahagian daripada strategi keberuntungan anda dan bukan sesuatu yang difikirkan kemudian selepas memikirkan tentang bahagian menghasilkan wang yang menyeronokkan.

7.4 Pendekatan Komprehensif

Caranya, apabila anda menyediakan dagangan, anda mempertimbangkan pelaburan yang anda buat sebagai kos. Jangan fikirkan dagangan dari segi jumlah wang yang boleh anda hasilkan; sebelum anda memasuki dagangan, anda telah mengira pendedahan risiko yang boleh anda terima dan pertimbangkannya sebagai garis dasar untuk dagangan anda.

Contohnya, jika anda mempunyai akaun dengan dana \$10,000 dan anda boleh merisikokan sehingga 3% dalam satu dagangan. Itu bermakna apabila anda memasuki pasaran, anda akan menetapkan henti rugi yang akan menutup dagangan selepas anda kerugian sebanyak \$300. Anda menetapkan henti rugi anda dan anda tidak melanjutkannya.

Apabila anda sudah membuat dagangan, anda menganggap wang itu sebagai "sudah tiada". Ia tidak lagi berada di akaun anda; ia berada di pasaran. Objektif anda adalah untuk memaksimumkan pulangan pada pelaburan yang baru dibuat yang kosnya \$300. Jika itu bermakna anda akan menghasilkan \$500, bagus, tetapi ia juga bermakna jika anda "menghasilkan" \$200, ia jauh lebih baik daripada "menghasilkan" \$100. Ini masih sebahagian daripada pulangan pelaburan.

Ingatlah, objektif anda bukannya satu dagangan tunggal; ia sebahagian daripada strategi yang mempunyai kadar kejayaan tertentu. Jika strategi anda mempunyai objektif untuk menghasilkan \$300 bagi setiap dagangan dan kerugian maksimum \$300 pada setiap dagangan, maka akhirnya, setiap dolar yang anda halang daripada kerugian ditambahkan pada keuntungan hasil anda. Dalam konsep ini, pengurusan risiko adalah tentang menentukan cara memaksimumkan keuntungan anda dan bukan tentang kerugian.

7. Risiko dan Ganjaran

7.5 Ia Matematik

Memahami bahawa pasaran forex wujud untuk mengimbangi risiko dan pedagang forex mendapat untung menggunakan kemahiran mereka dalam pasaran untuk mengurangkan risiko, maka hasil dagangan anda dikawal oleh matematik. Terutamanya nisbah pulangan/risiko. Malah inilah takrif untung dalam konteks forex.

Terdapat dua cara untuk melakukannya; meningkatkan pengangka dengan meningkatkan kemahiran anda untuk meramalkan pasaran atau mengurangkan penyebut dengan mengurus pendedahan anda kepada nasib yang buruk dalam pasaran. Menggunakan persamaan ini, kita boleh melihat kepentingan pengurangan risiko, kerana sebagai contoh, anda boleh mengandakan keberuntungan dengan mengurangkan pendedahan anda kepada separuh.

7.6 Bagaimakah Caranya?

Mengurangkan risiko boleh memberikan kesan yang besar terhadap keberuntungan anda, kerana perbezaan antara bilangan dagangan yang berjaya dan dagangan yang tidak berjaya biasanya sebahagian kecil daripada bilangan dagangan keseluruhan. Ini benar terutamanya bagi orang yang tidak mengurus henti rugi mereka dan biasanya mengalami kerugian yang lebih besar pada dagangan mereka daripada untung yang diperoleh.

Contohnya, katalah ambil untung dan henti rugi anda sama jaraknya. Jika anda mempunyai kadar kejayaan 60% dan membuat 10 dagangan, maka secara statistiknya anda akan mempunyai empat dagangan yang rugi dan enam dagangan menguntungkan. Empat dagangan yang rugi mengimbangi empat dagangan yang untung, oleh itu anda mempunyai baki dua dagangan yang menguntungkan. Jika anda mengurangkan pendedahan anda dalam dagangan yang rugi sebanyak separuh, anda membuat tambahan separuh daripada empat dagangan yang rugi. Itu menghasilkan tambahan dua dagangan yang menguntungkan.

Anda boleh mengurangkan pendedahan anda dengan membuat penelitian yang menyeluruh bagi henti rugi anda. Anda boleh mengurangkan pendedahan anda dengan membuat dagangan yang lebih kecil tetapi berdagang dengan lebih kerap. Apabila anda telah membuat ujian ke belakang sebanyak mungkin dan mengumpulkan data yang mencukupi, anda boleh menyemak nisbah keberuntungan anda dengan tetapan yang berbeza untuk memperhalus nisbah pulangan/risiko anda.

Pada akhirnya, sepertimana kebanyakan bidang kewangan, forex adalah tentang matematik. Lebih banyak yang anda boleh kira

dalam dagangan anda dan mewajarkan jangkaan anda berdasarkan persamaan berdasarkan data, lebih berkemungkinan dagangan anda akan berkesan dan lebih banyak wang yang akan anda hasilkan. Sesetengah pedagang boleh berjaya dengan menggunakan gerak hati, tetapi jarang-jarang dan besar kemungkinan berbakat dengan dapat membuat kebanyakan pengiraan ini dalam fikiran mereka tanpa benar-benar menyedari mengenainya.



7. Risiko dan Ganjaran

7.7 Mengkaji Faktor Nasib

Kebanyakan pedagang akan bertegas bahawa tindakan yang mereka lakukan bukanlah perjudian dan mungkin mereka betul. Berdagang adalah tentang mengkaji pasaran, menggunakan kemahiran dan pengetahuan untuk memanfaatkan pulangan, tetapi sepatimana semua perkara yang berdasarkan pada mengenal pasti corak yang membantu meramalkan masa depan, terdapat ketidakpastian tertentu yang tidak dapat dielakkan. Ketidakpastian itu membawa kepada faktor nasib.

Menariknya, banyak penyelidikan telah dibuat untuk mengkaji nasib, peluang dan kebarangkalian dalam dagangan, menunjukkan jalan tentang cara menilai risiko dan membuat strategi dagangan yang mengurangkan pendedahan pedagang terhadap kemungkinan nasib yang buruk.



8. Kesimpulan

Pengurusan risiko ialah bahagian yang penting dalam dagangan dan tidak dapat dielakkan untuk keberuntungan dagangan anda. Kebanyakan pedagang yang berjaya menghasilkan lebih banyak wang dengan mengurus pendedahan mereka kepada pasaran dengan mempunyai strategi pintar yang membezakan mereka daripada orang lain. Malah, dagangan yang konsisten yang menyumbang kepada pemboleh ubah yang paling mungkin akan jauh lebih menguntungkan pada jangka masa panjang.

Mengawal pendedahan anda boleh dikira, tetapi bukan berungkapan tetap. Oleh sebab dagangan itu sangat peribadi, cara anda mengurus risiko akan bergantung pada strategi anda, psikologi anda dan keadaan anda yang tertentu. Sesetengah pedagang terbuka untuk jenis risiko yang berbeza, sesetengah yang lain mempunyai kekuatan yang membolehkan mereka mengendalikan keadaan tertentu dengan lebih baik berbanding orang lain. Tiada formula ajaib yang sentiasa boleh digunakan dan akan menjamin dagangan anda akan berjaya.


Berdagang adalah tentang menambah baik dan memperhalus proses anda secara berterusan dan itu seharusnya termasuk penilaian anda terhadap risiko dan pendedahan. Lebih baik menumpukan perhatian pada memahami asas risiko, carap psikologi anda memainkan peranan dan cara mengira kebarangkalian, daripada bergantung pada helah yang mudah dan cepat. Walaupun mungkin berguna, terutamanya



apabila anda sedang membangunkan strategi anda, untuk jangka masa panjang anda memerlukan strategi pengurangan risiko yang disesuaikan mengikut dagangan anda.

Risiko yang berkaitan dengan dagangan jangka panjang selepas anda pulang ke rumah dari tempat kerja adalah sangat berbeza daripada seseorang yang berdagang secara harian untuk sesi LONNY. Kedua-duanya mungkin mempunyai idea hebat yang boleh mendorong orang lain, tetapi secara asasnya keadaan kedua-duanya berbeza dan memerlukan strategi pengurangan risiko yang berbeza.

Mempelajari cara berdagang forex dan menguasainya memang mengambil masa, oleh itu sudah tentu anda ingin melakukannya untuk tempoh yang agak lama. Ini bermakna anda akan membuat banyak dagangan dan strategi anda perlu mencerminkannya. Ia bukan mengenai menghasilkan satu dagangan yang lumayan; keberuntungan dikumpulkan melalui dagangan jumlah kecil yang konsisten pada akaun anda yang mengurangkan jumlah risiko yang anda terdedah. Membuat strategi pengurusan risiko yang paling sesuai untuk anda juga akan mengambil masa, tetapi begitulah caranya untuk memaksimumkan keberuntungan anda.



LAYARI BLOG KAMI

Sumber sehenti untuk wawasan pasaran harian!

Adakah anda suka membaca e-Buku ini? Layarilah blog kami untuk menerokai lebih banyak wawasan yang lebih menarik tentang pasaran global dan dagangan?



10000+ siaran



15+ Pakar



10 bahasa







Analisis teknikal & fundamental harian

AKSES SEKARANG

The screenshot shows a blog post titled "Are Buybacks the Only Foothold for Stocks Currently?". The post discusses how share buybacks have become a primary growth strategy for companies after tax relief package approvals. It features a large image of the Brooklyn Bridge and includes a summary and a "Read more" link. The sidebar lists "Tickmill Experts" with their profiles and post counts.

Pendidikan



Akaun Langsung

Ciri-ciri utama



CEMERLANG DENGAN SYARAT PERDAGANGAN KHUSUS

Ambil kesempatan daripada sebaran yang ketat dan komisyen yang kompetitif.



BERJAYA DENGAN MT5 ULTIMATE

Analisis Teknikal Lanjutan, 50+ Petunjuk dan carta disesuaikan ...
Dalam 39 bahasa.



PELBAGAIKAN PORTFOLIO ANDA

Akses ribuan instrumen kewangan di 6 kelas aset termasuk Forex, Indeks Saham, Komoditi, Bon, Hadapan dan Pilihan.

[Akaun Langsung](#)


Akaun Demo

Ciri-ciri Utama



ALAMI KEADAAN PASARAN SEBENAR

Amalan perdagangan dalam masa nyata, alat ujian dan strategi dan mengasah kemahiran perdagangan anda dalam persekitaran yang bebas tanpa risiko.




PLATFORM PERDAGANGAN YANG DIPERLUKAN SEPERTI

Terokai alat lengkap dan ciri yang disesuaikan yang disediakan MT5 untuk meningkatkan prestasi dagangan anda.



80+ INSTRUMEN PERDAGANGAN MERENTASI 4 KELAS ASET

Akses pelbagai pasaran termasuk Forex, Indeks Saham, Komoditi dan Bon dan dapatkan beberapa sebaran terendah di pasaran.

[Akaun Demo](#)



Forex. Indeks Saham. Komoditi. Bon. Mata wang kripto. Niaga Hadapan & Opsyen.

Keizinan dan Peraturan Kumpulan Tickmill: FSA SC | FCA UK | CySEC | FSA Labuan |
FSCA SA

Hubungan Korporat

Seychelles

- 3, F28-F29 Eden Plaza, Eden Island, Mahe, Seychelles
- +248 434 7072
- support@tickmill.com

United Kingdom

- 27-32 Old Jewry, London, England, EC2R 8DQ
- +44 (0)20 3608 2100
- support@tickmill.co.uk

Cyprus

- Kedron 9, Mesa Geitonia, Limassol 4004, Cyprus
- +357 25247650
- support@tickmill.eu

Malaysia

- Office No. 5, Unit 25, 1st floor Paragon Labuan, Jalan Tun Mustapha, 87007 Labuan F.T., Malaysia
- +6087-504 565
- support@tickmill.com

Sentiasa berhubung

Amaran Risiko: CFD adalah instrumen yang kompleks dan mempunyai risiko tinggi kehilangan wang cepat kerana leveraj 71% dan 65% akaun pelabur runcit kehilangan wang ketika berdagang CFD dengan Tickmill UK Ltd dan Tickmill Europe Ltd. Anda harus mempertimbangkan sama ada anda memahami bagaimana CFD, atau produk kami yang lain berfungsi, dan adakah anda mampu mengambil risiko kehilangan wang anda.

Penafian: Kandungan dalam E-buku ini terdiri daripada maklumat dan data yang tidak seharusnya dianggap sebagai mengandungi nasihat pelaburan peribadi dan/atau nasihat pelaburan lain dan/atau tawaran bagi usaha mendapatkan sebarang urus niaga dalam instrumen kewangan dan/atau menjamin dan/atau meramalkan prestasi masa depan. Tickmill, sekutu, ejen, pengarah, pegawai atau pekerjaannya tidak menjamin ketepatan, kesahan, ketepatan masa atau kesempurnaan manapun maklumat atau tarikh yang disediakan dan tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian yang berlaku daripada mana-mana data atau maklumat yang terkandung di sini.